

# UPM tidak terlibat anjur konvokesyen

**KUALA LUMPUR** - Universiti Putra Malaysia (UPM) menegaskan pihaknya tidak terlibat dengan penganjuran majlis Konvokesyen Persijilan Kemahiran Malaysia (TVET) 2019 termasuk persembahan tarian salsa anjuran Persatuan Usahawan Wanita Antarabangsa Malaysia (IWEM) yang berlangsung di Serdang pada Khamis lalu.

Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi UPM dalam satu kenyataan akhbar kelmarin berkata, pihaknya memberi kelulusan kepada IWEM untuk menyewa Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS) di sini berdasarkan permohonan untuk mengadakan majlis konvokesyen kepada peserta yang tamat menjalani latihan di pusat-pusat latihan yang bernaung di bawah IWEM.

Menurut kenyataan tersebut, semua acara dan persembahan adalah di bawah tanggungjawab IWEM.

**KONTROVERSI  
TARIAN SEKSI**

“UPM tidak terlibat sama sekali untuk semua program yang disediakan pihak penganjur, malah persembahan tarian tersebut juga tidak dimaklumkan kepada pihak UPM.

“Sekiranya sesuatu majlis dianjurkan oleh UPM, pihak kami sentiasa memastikan majlis anjuran universiti mengikut garis panduan konvokesyen yang ditetapkan Kementerian Pendidikan dan garis panduan majlis yang ditetapkan UPM,” kata kenyataan tersebut.

Terdahulu tular sebuah video berdurasi 11 saat yang memaparkan aksi sepasang penari menari salsa dalam keadaan berpelukan dan mengghairahkan.

Gerak tari dan pakaian wanita tersebut juga dilihat keterlaluan serta mencolok mata dan tarian itu dipersembahkan pada majlis konvokesyen tersebut.

Sementara itu, UPM berkata, pihaknya masih menunggu permohonan maaf secara rasmi daripada pihak IWEM.